



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERIPADUKABAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 6

20hb Mac 2020

TAMBAHAN No. 34
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 94.

**AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993
DAN AKTA KASTAM 1967**

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN) (No. 2) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 25 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [Akta 504] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 2) 2020**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun mulai 21 Mac 2020 hingga 20 Mac 2025.

Duti anti-lambakan

2. Duti anti-lambakan hendaklah dilevi terhadap dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang (3) oleh pengeluar atau pengekspor yang dinyatakan dalam ruang (4) ke dalam Malaysia pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (5).

Pembayaran duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang kena dibayar di bawah Perintah ini hendaklah dibayar secara tunai.

Penjenisan barang-barang

4. (1) Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mematuhi Rukun Tafsiran Am Sistem Berharmonis di bawah Konvensyen Antarabangsa Sistem Deskripsi Komoditi Harmonis dan Pengkodan dalam Perintah Duti Kastam 2017 [P.U. (A) 5/2017].

(2) Nombor kepala atau subkepala yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual diperuntukkan bagi kemudahan rujukan dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap penjenisan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (2).

Kesan terhadap duti import dan cukai jualan

5. Pengenaan duti anti-lambakan di bawah Perintah ini tidaklah menjaskan pengenaan dan pemungutan—

- (a) duti import di bawah Akta Kastam 1967; dan
- (b) cukai jualan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806].

JADUAL
[Perenggan 2]
DUTI ANTI-LAMBAKAN

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Nombor Kepala/ Subkepala mengikut Kod H.S.	Perihalan Barang- Barang	Negara	Pengeluar/ Pengeksport	Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]
6811.82.20 00	<i>Cellulose fibre reinforced cement flat</i> dan <i>pattern sheet</i> dan secara khususnya mengecualikan <i>external roofing</i>	Republik Indonesia	PT Etex Building Performance Indonesia Lain-lain	9.14% 108.10%
6811.82.90 00				

Dibuat 19 Mac 2020

[SULIT KE.HT(96)669/12-249 Klt. 9 Sk. 1; MOF.TAX(S)700-4/1/184(29);
PN(PU2)338D/III]

TENGKU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 11(2)
Akta Kastam 1967]